



Fiksyen 302

Ramlee Awang Murshid

[Download now](#)

[Read Online](#) 

Fiksyen 302

Ramlee Awang Murshid

Fiksyen 302 Ramlee Awang Murshid

LAN LANI, JIMMY YEOH, PRAKASH KUMAR dan FARID JA'AH membunuh mangsa-mangsa mereka dengan kejam. Masing-masing melakukannya dengan cara yang hampir serupa. Angka 302 dilakar di dahi mangsa. Sejurus itu, mereka menghubungi polis dan melaporkan bahawa hukuman mati telah dilaksanakan. Ketika diberkas, mereka menyerah diri dalam keadaan bertelanjang bulat. Bagaimanapun, motif sebenar setiap pembunuhan sangat kabur. Andai dipadankan dengan psikologi manusia, ternyata mereka yang mengaku bertanggungjawab bukanlah orang yang waras. Kes-kes itu tidak dapat diselesaikan.

Tahun 2032 - seorang peguam, Rita Yuzalina menyertai projek rahsia yang dikendalikan oleh dua orang pakar psikiatri bertujuan untuk merungkaikan misteri pembunuhan itu. Namun, ia disabotaj. Pertukaran watak berlaku. Lebih menakutkan... tragedi lampau berulang lagi. Lebih dahsyat daripada apa yang dijangkakan!

RAMLEE AWANG MURSHID dalam karyanya kali ini mengingatkan bahawa rasa percaya merupakan perangkap yang boleh mengancam nyawa. Apabila tersedar sahaja, maut sudah di hadapan mata. Melarikan diri adalah perkara mustahil. Menyerah begitu sahaja menyebabkan kematian yang sia-sia. Cara paling selamat... jangan sesekali percaya! Sesiapa pun tidak terkecuali daripada pertuduhan, prasangka dan dijadikan suspek utama pembunuhan.

Fiksyen 302 Details

Date : Published December 2nd 2011 by ALAF 21

ISBN :

Author : Ramlee Awang Murshid

Format : Paperback 512 pages

Genre : Thriller, Fiction, Novels

 [Download Fiksyen 302 ...pdf](#)

 [Read Online Fiksyen 302 ...pdf](#)

Download and Read Free Online Fiksyen 302 Ramlee Awang Murshid

From Reader Review Fiksyen 302 for online ebook

Ajako says

“Lain kali habis jer baca, terus buat review. Kalau tangguh-tangguh takut terlupa”. Itulah nasihat hatiku tiap kali usai membaca. Tapi akalku menjawab, “Itu kalau tulisan biasa...ini Ramlee Awang Murshid punya werk tau...terkecuali.” Haha, memang RAM penulis berbeza, atau lebih tepat ‘unik’. Unik kerana...

RAM sangat rajin buat homework dalam setiap buah tangannya. Buktinya, beberapa info mengenai perubahan, psikologi, perundangan, kepolisan dilihat sangat berkesan. Itu belum lagi melihat kepada plot dan jalan cerita, perkembangan watak dan transisi peristiwa.

Pendekatan cerita melalui kaedah imbas kembali (flash back) dan ke hadapan menjadikan perubahan masa selama 20 tidak terlalu ‘diada-adakan’ atau artificial. Walaupun teori quantum leap itu macam dah diperkenalkan dalam cereka “Back to the Future”, tetapi Fiksyen 302 langsung tidak dipengaruhi rencah filem tersebut. Bahkan Fiksyen 302 lebih santai, lebih munasabah dan diterima dek akal. Subjek tak perlu naik kereta berkelajuan tinggi untuk pergi ke masa silam dan pulang ke masa hadapan seperti di dalam cereka, sekadar menekan bulatan di tapak tangan yang dilukis menggunakan marker pen! Hebat bukan?

Fiksyen 302 juga tidak terlalu membebankan pembaca dengan plot serta watak yang berbelit-belit. Cukup sekadar anda ‘memegang’ watak Dato Mahali, Norhafiza Izura, Farid Jaah, Lan Lani dan Dr Rozlina (lihat...saya dapat mengingatnya tanpa melihat kembali 302) dan anda akan tetap mengikuti cerita ini tanpa sesat. Sememangnya dendam itu ibarat api membakar sekam, kerana dendam itu terus membara biar telah berlalu sekian lama, biar musuh telah menerima balasan dan dendam juga memusuhi kebenaran.

Sesungguhnya watak pembantu juga berperan menjadikan sesuatu cereka itu lebih berjaya. Dan RAM mencipta mereka penuh berhati-hati sehinggakan tidak perlu terlalu ramai ‘pelakon pembantu’. Penggunaan bahasa yang mudah juga menjadikan kita tidak hilang fokus, sesuai dengan tema thriller 302. Tagline “jangan percaya” pula mengingatkan kita jangan terus percaya dengan apa yang anda ‘telah’ baca kerana apa yang ‘akan’ anda jumpa adalah sesuai di luar duga.

Adalah menjadi harapan saya agar novel ini diangkat menjadi satu filem suatu hari nanti. Iyelah, daripada asyik mengangkat tema cinta yang semakin meleret-leret ke layar perak tempatan, apa kata kita cipta pula tema thriller. Eh, Fiksyen 302 pun tak kalah tau dengan idea luar...kerana RAM sememangnya raja dalam wilayahnya.

Gobokairina says

Kisah kali ini bermula dengan pembunuhan kejam oleh pembunuh yang mengalami masalah mental. Lan Lani, Jimmy Yeoh, Prakash Kumar dan yang Farid Ja’ah membunuh mangsa-mangsa mereka dengan kejam.

Masing-masing melakukannya dengan cara yang hampir serupa. Angka 302 dilakar di dahi mangsa. Sejurus itu, mereka sendiri menghubungi polis. Ketika diberkas, mereka menyerah diri dalam keadaan bertelanjang bulat. Bagaimanapun, motif sebenar mereka amat kabur.

Kehadiran Noorhafiza Izura; peguambela yang dilantik untuk membela Lan Lani menimbulkan lebih banyak persoalan. Puas dia menjejaki siapa itu Zonan yang disebut-sebut oleh Lan Lani. Namun tiada langsung klu. Apakah Zonan itu hanyalah halusinasi Lan Lani? Tetapi mengapa kes pembunuhan lain turut mengaitkan Zonan? Siapa sebenarnya Zonan itu? Dia juga sering saja diingatkan yang jangan sesekali percaya. Sesiapa pun tidak terkecuali daripada pertuduhan, prasangka dan dijadikan suspek utama pembunuhan.

Kemudian melangkau ke tahun 2032 – di mana seorang peguam, Rita Yuzalina menyertai projek rahsia yang dikendalikan oleh dua orang pakar psikiatri [salah seorang pakar psikiatri adalah bekas doktor piskiatry keempat-empat pembunuh mangsa 302] bertujuan untuk merungkaikan misteri pembunuhan itu. Namun, ia disabotaj dan kisah lama bagaikan dihidupkan kembali. Mampukah Rita Yuzalina membongkar jenayah fiksyen 302?

Novel ini mengingatkan aku dengan kisah Rahsia Perindu di mana RAM membongkar masalah psikiatri. Dan rasanya aku lebih suka ‘masalah psikiatri’ Amylia-Leopard berbanding dengan yang ini kerana kisah Farid-Dina Din tidak begitu menjadi. Atau pun mungkin kerana sebelum ini masalah mental dan psikiatri telah dikupas dan di-twist dengan baik dalam novel sebelumnya, ia sudah tidak jadi umphh untuk kali keduanya? Mungkin...

Tetapi seperti biasa, RAM memang gemar bermain dengan banyak teka-teki terhadap watak-wataknya. Membuatkan kita jadi keliru, tak faham dan tak sabar nak tahu siapa, kenapa dan bagaimana semua itu terjadi. RAM memang tak akan membiarkan jantung kita berdenyut biasa. Dan seperti novel-novelnya terdahulu, penggunaan masa adalah senjata utama untuk menggerakkan ceritanya. Jadi bersiap siaga lah anda, jangan sampai ketinggalan.

Kadang-kadang terlintas di fikiran – tak mudah sebenarnya menjadi seorang RAM. Beliau perlu bekerja keras dalam menghasilkan setiap novelnya. Perlu bijak bermain dengan keadaan, konflik dan masa untuk membuai emosi setiap para pembacanya. Dan tak salah kalau aku katakan yang beliau perlu berfikir dua kali lebih ke hadapan berbanding orang lain untuk melestarikan sebuah manuskrip yang menarik. Ya, aku tabik dengan kegigihan RAM dan kebolehannya memanipulasi minda pembaca. Just awesome!

Nisa says

Novel ini gila...sampai saya pun rasa macam nak gila, bila nak tahu siapa pembunuhnya..

Mengisahkan pada tahun 2032..Rita, seorang peguam yang disegani, menyertai projek pengembaraan minda yang di ketuai oleh Dr. Rozlina, seorang Dr psikiatri bagi menyingkap misteri kes pembunuhan pada tahun 2012 yang masih belum selesai.

Empat pesakit mental yang telah dibebaskan setelah pulih didapati membunuh mangsa-mangsanya dengan cara yang hampir sama.. Lan Lani membunuh Mubarak, seorang penyiasat persendirian dengan menjerut mangsanya kemudian dia menulis angka 302 di dahi mangsa, menghubungi polis dan berbogel dihadapan mayat sambil meratip. Begitu juga dengan Jimmy Yeoh, Prakash Kumar dan Farid Ja'ah membunuh mangsa-mangsanya dengan kejam dan dengan cara yang hampir sama. Mangsa-mangsa yang dibunuh saling berkait dengan kes pembunuhan setiausaha Dato Mahali, Zarina Mustapha tiga tahun yang lalu.

Noorhafiza Izura di minta membela Lan Lani... Alias pula di arahkan untk menyiasat kes-kes tersebut dengan bantuan seorang pesara polis (Hizamnudin) yang pernah menyiasat kes pembunuhan Zarina Mustapha.

Ke empat - empat pesakit mental tersebut memaklumkan, pembunuhan di lakukan atas arahan Zonan. Pada awalnya semua menyangkakan Zonan adalah watak khayalan pesakit mental.. Tapi, Zonan sebenarnya memang wujud dan dibongkarkan pada tahun 2032..Siapa Zonan?....

Yazlina Saduri says

Baca buku RAM yang siri thriller kalau otak tak berpusing kiri kanan depan belakang memang tak sah. Tengok cover tahu dah cerita pasal pembunuhan, yang tu tak surprise walaupun kita tak baca langsung dia punya sinopsis atau review. Yang surprise nya ialah siapa sebenarnya master murderer. Zonan tu manusia atau halusinasi? Kalau manusia, siapa Zonan? Sekejap Farid, sekejap Dina, sekejap Sabri, ... Dr Rozlina dan Dr Halimi pun masuk dalam senarai suspect saya. RAM pula pandai la main dengan unsur masa; dulu, kini, future... lagi lah bertambah pening. Novel Mandatori pun kalau tak silap macam ni juga bikin confuse tapi Fiksyen 302 lebih power. Tak sangka siapa sebenarnya yang bunuh Zarina. Sedih juga la bila cinta Alias dan gadis yang diminatinya tak kesampaian. Baca lah novel ni dengan minda seluas yang boleh dan 'Jangan Percaya'.

Natasha says

This is way twisted and creepy! RAM truly deserves the title of Malaysia's Stephen King!

Wendy Brown says

Penulisan RAM tak pernah mengecewakan — setiap kali nak stop baca mesti ada scene yang membuatkan aku curious then nak baca lagi sampai habis ? — setiap bab mesti scene suspens sikit,sedih sikit so bila digaul sehingga sehati,jalan cerita dia jadi menarik — kisah ni menceritakan tentang pembunuhan yang dilakukan oleh pesakit mental yang berlainan — tapi disebalik pembunuhan tu ada someone yang dah planned semua benda — and pesakit-pesakit mental tu sebenarnya tak salah pun — so bila baca buku seakan-akan korang pun terlibat untuk ‘menyiasat’ siapa dalang pembunuhan tu — dan itulah yang menjadikan aku pun turut gila jugak — tapi korang mesti macam *WHAT(?)* bila dah tahu siapa dalang tu ? — sebab aku pun rasa macam tertipu dengan ‘dia’ tu ?

Love,
?

Nadiah Kamal says

brilliant!

Fazid Elias says

5 bintang untuk buku ini. Ini buku RAM yang pertama aku baca. Patutlah ramai kawan-kawan aku suruh baca buku penulisan RAM nie. "Bagaikan puteri" dah lama aku beli, tapi belum sampai mood untuk baca lagi. Buku Fiksyen 302 ini pun dipinjam dari mini library di sebuah stesen minyak dekat sini. Disebabkan dah selalu sangat baca novel melayu yang bertema romantik, kawin, cerai, konflik perbezaan darjat, yang sangat klise, buat aku rasa skeptikal untuk mencari buku selain penulis yang aku dah biasa (silap aku juga, takut keluar daripada comfort zone).

Sebetulnya fiksyen thriller, horror, crime, memang kegemaran aku. Stephen King, Patricia Cornwell, Dean Koontz, James Patterson, antara penulis dalam kategori ini yang aku suka. Wow, RAM juga boleh diletak sebaris dengan nama-nama ini. Cuma, ini baru buku pertama beliau. Ada lagi ke buku yang seperti Fiksyen 302 penulisan beliau?

Fatini Zulkifli says

Permulaannya agak mendatar. Keseronokkannya bermula ditengah-tengah novel. Apabila RAM ajak pembaca untuk bina sendiri cerita dengan membuat tekaan. Dipertengahan pembacaan, muka surat 250-300 macam tu, saya buat *assumptions*. *Assumptions* seperti yang tu jahat, yang ni baik, dalang sebenar dia tu, dia ni hanya mangsa. Betapa terujanya saya bila sampai muka surat terakhir, 90% agakan saya buat salah. Huhuhu.

Betul kata kawan masa di Pusat Asasi UIAM PJ, novel RAM yang ini *unexpected*. Dari tengah sampai hujung novel, kebanyakan reaksi saya ialah, "Wait. What?" dan "Apekah?". Novel ini lain. Lain daripada yang lain. Lain sangat sampai saya nak buat sinopsis pun jadi tak reti. Berbelit-belit dan berpintal-pintal. Bukan sahaja ruang waktu dan masa yang berbelit. Malah, watak pun berbelit juga. Maksud watak berbelit ialah "orang tu masuk dalam orang ni... satu jasad ada dua orang... orang sana pula ada multiple personalities... orang sini pula ada schizophrenia". Tak reti macam mana nak buat sinopsis plot. Hanya mampu bagi *review* tentang reaksi dan perasaan.

Salwa says

Saya meminati genre yang berkisar tentang psikologi abnormal. Cuma kali ini, RAM berjaya membuatkan saya tertipu dengan pengolahan cerita yang kompleks. Sebagai seorang yang pernah belajar psikologi, saya berharap masalah yang dihadapi oleh Farid Jaa'ah dikupas lebih mendalam.

Hana Jimi says

Buku gila.sampai ke halaiian2 akhir aku masih cari siapa pembunuh.langsung tak ditinggalkan sikit hint.puas aku teka,siap ada suspek lagi.rupanya tersasar jauh.terbaeklah RAM.tabik spring~

nasib baik kucing nakal dalam mood baik je hari ni.dapatlah selesaikan satu buku. :)

Sahidzan Salleh says

sebuah cerita saifai 'whodunit' yang agak tebal untuk aku habiskan.

Hilmi Isa says

Untuk beberapa waktu yang agak lama,Ramlee Awang Murshid (RAM) kembali dengan novel yang berkisar kepada thriller-psikologi yang mirip kepada novel Rahsia Perindu,yang juga merupakan novel tulisan beliau yang dikeluarkan pada tahun 2005. Perkara ini diakui sendiri oleh RAM di permulaan novel Fiksyen 302 ini sendiri. Saya tidak mahu membuang masa dan ruang di dalam ulasan buku ini dengan menyediakan sinopsis saya sendiri untuk novel ini. Saya berpendapat sinopsis yang sedia ada sudah memadai untuk menerangkan sedikit sebanyak isi kandungan yang terdapat di dalamnya.

Pada awalnya,saya agak bimbang juga sekiranya RAM hanya 'mengitar semula' idea Rahsia Perindu ke dalam Fiksyen 302. Sangkaan saya ini tercetus hasil dari pembacaan saya di dalam beberapa komen di Facebook yang menyatakan terdapat beberapa persamaan di antara Rahsia Perindu dan Fiksyen 302. Tetapi,ternyata sangkaan saya itu agak meleset. Walaupun terdapat persamaan mengenai kecelaruan personaliti,namun,jalan cerita dan plot adalah berbeza sama sekali. Malah,tambah menarik,RAM turut memasukkan unsur 'time travelling',atau mungkin lebih tepat lagi,pengembaraan merentasi masa melalui minda yang melibatkan 'Quantum Leap'.

Pada pendapat saya,RAM tidak pernah mengecewakan para pembacanya (sekurang-kurangnya pada pendapat saya). Seperti novel-novelnya yang lain,sungguh menghiburkan sekali ketika membacanya. Gaya dan lenggok tipikal penceritaan dan penulisan beliau masih sama dan kedinamikan,terutamanya dari sudut jalinan hubungan antara watak-watak dan plot cerita telah digarap dengan baik oleh RAM dan menunjukkan kebolehan beliau dalam menulis sesuatu yang begitu kompleks dan menarik untuk tatapan pembaca.

Walaupun konsep cerita ini serius,tetapi,masih ada ruang untuk 'comic relief' disediakan oleh penulis. Kita akan tertawa atau senyum sendiri apabila membaca sesetengah dialog yang melibatkan watak-watak yang terdapat di dalam novel ini. Tidak ketinggalan,unsur-unsur Islamik dan murni juga ditonjolkan di dalam novel kali ini,seperti novel-novel yang lain tulisan RAM.

Kusch says

Nak abiskan pembacaan buku ni pun merupakan satu pengembaraan minda... best! thrilling sgt2...

Anwaruddin Tajuddin says

Ada beberapa plot yang aku rasa tidak perlu ada. Kerana melarat-larat. Ini apa yang aku rasa lah. Sebab memang bukan kegemaran aku plot cerita yang melarat-larat. Tengok lah, Buku ni 512 muka surat. Awal-awal lagi aku mengeluh. More on <http://bit.ly/w4z410>
